



DR Maximus (dua dari kanan) membuka pili air sebagai tanda perasmian Persidangan Asia Water 2016.

5 negeri catat NRW tertinggi

■ **KETTHA** anggap operator tidak berupaya menguruskan sistem air dengan baik

Hafiz Ithnin

hafizithnin@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) akan membentangkan pelan induk pengurusan kadar air tidak berhasil (NRW) di Kabinet pada akhir bulan ini dalam usaha mencapai pengurangan sehingga 25 peratus di seluruh negara menjelang 2020.

Ketika ini, terdapat lima negeri di Malaysia mencatatkan kadar NRW yang tinggi pada sekitar 40 hingga 50 peratus dan hanya tiga negeri mencapai di bawah 30 peratus.

Menterinya, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili

berkata, paras peratusan NRW yang dicatatkan itu menunjukkan pihak operator air tidak berupaya menguruskan sistem air dengan baik serta kelemahan pengurusan aset air negeri.

Beliau berkata, pelan tindakan baru yang akan dilaksanakan Kementerian-nya menerusi pelan induk itu membabitkan tiga fokus utama iaitu mewujudkan data asas, meningkatkan program sedia NRW ada dan memberi anugerah kepada operator yang berjaya.

“Dalam usaha mengurangkan kadar peratusan NRW kerajaan bakal memperuntukkan sejumlah pelaburan dan perkara ini (nilai pelaburan) masih tidak dapat diputuskan selagi ia tidak dibentangkan di dalam Kabinet.

“Namun, ia dijangka mencecah ratusan juta ringgit.

“Pelan induk ini telah dimuktamadkan dan ia turut membabitkan pihak operator sedia ada serta pengantian paip dalam tempoh 10 tahun,” katanya selepas menghadiri Persidangan Air Asia 2016 (Asia Water 2016) di sini, semalam.

Asia Water 2016 yang dianjurkan oleh UBM Malaysia dengan kerjasama UBM Asia menjadi platform kepada pemain industri pengurusan air untuk menyertai forum dan pameran dagangan dalam tempoh ia berlangsung dari 6 hingga 8 April ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang dijangka dapat menarik 14,000 pengunjung dari 48 negara.